

MEDIA STATEMENT

For Immediate Release

Selangor And Terengganu Tie for First Place In The Second Edition of the Malaysia Open Budget Index (MyOBI) 2024

Kuala Lumpur, 23 July 2024: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) has unveiled the findings of the Malaysia Open Budget Index (MyOBI) 2024, offering a comprehensive analysis of state budget transparency across Malaysia. This year, Terengganu and Selangor tie for first place, both scoring 76/100 for Public Availability. The MyOBI critically evaluates the accessibility and timeliness of key budget documents, the oversight role of state legislative assemblies, and opportunities for public participation in the budget process.

The results reveal significant disparities in transparency and oversight among Malaysian states. Many state governments still fail to ensure adequate disclosure of budget information, with several not publishing essential documents. Kedah and Pahang, in particular, lag behind with insufficient disclosure, highlighting the urgent need for improvement. On a positive note, Sarawak and Melaka have made notable progress by enhancing access to crucial budget information compared to previous assessments. However, there remains a critical need for all states to ensure transparent access to budget information.

Despite overall positive developments, concerns persist regarding the oversight capabilities of State Legislative Assemblies (Dewan Undangan Negeri, "DUN"). While states like Selangor, Terengganu, and Sabah have shown stronger oversight through timely budget submissions and increased legislative sessions, overall performance in this area remains inadequate. Effective oversight demands the publication of hansards, sufficient time for budget deliberations and questions, and Public Accounts Committee (PAC) records to apprise the public of the outcome of legislative scrutiny.

Alissa Marianne Rode, Senior Manager of Research at IDEAS, emphasised the importance of enhancing budget transparency and public participation. "Improving budget transparency is crucial for state governments to enhance public confidence in their service delivery. From our assessment, only 7 out of 13 states provide the estimates of revenue and expenditure, while only Selangor and Terengganu provide detailed expenditure estimates. Terengganu stands out as the only state that makes the Supply Bill and enactment available, providing a vital public record of the budget authorisation."

Key recommendations from the report include ensuring timely public availability of Essential Budget Process (EBP) documents, such as the Estimates of Revenue and Expenditure ("Buku Belanjawan/Bajet"), to enhance transparency in state government spending. "IDEAS calls for prioritising the online publication and regular updating of hansards and PAC records to maintain transparency.

Additionally, enhancing public participation mechanisms through forums, select committees empowered to summon state officials, and facilitating two-way dialogue with civil society during budget formulation and implementation are essential for fostering inclusive governance,” added Alissa.

Public participation in the budget process also requires improvement. “Few states currently offer meaningful mechanisms for public engagement, with notable exceptions like Negeri Sembilan and Pahang, which provide feedback mechanisms during both budget formulation and implementation stages,” said Alissa. “Melaka, Selangor, and Terengganu have initiated efforts by seeking public input during the formulation stage. However, comprehensive mechanisms for public feedback, including public forums and select committees with the authority to summon state civil servants, are essential to foster an inclusive and transparent budget process”.

“Ultimately, the purpose of transparency is to enable accountability and democratic participation in the budget process. The states’ legislative and executive arms need to strengthen public participation by engaging with constituents and civil society to solicit budget proposals and feedback on implementation. MyOBI aims to entrench a national benchmark for proactive financial disclosure from 13 state governments. By ranking the states in terms of budget transparency, we hope to see the states competing to improve budget transparency and oversight, fostering governance that is more accountable and democratic,” adds Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS.

[ENDS]

[Full results and further details are available on our microsite - www.pantauwangkita.com](http://www.pantauwangkita.com)


For enquiries, please contact:

Ryan Panicker

Assistant Manager, Advocacy and Events

ryannesh@ideas.org.my

Graph 1: Public Availability Scores by State



Note:



Ranking

61 - 100	Substantial Disclosure
41 - 60	Minimal Disclosure
0 - 40	Insufficient Disclosure

The Malaysia Open Budget Index (MyOBI) was launched by IDEAS in 2022, funded by a European Union (EU) grant, to enhance transparency in state budgetary processes, following the democratic shift after the 2018 General Election. MyOBI aims to inform and equip civil society and the public to engage in the democratic process. It benchmarks state budget transparency and identifies areas for improvement based on international best practices, providing actionable insights to enhance state-level transparency and accountability.

For more information, visit pantauwangkita.com

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences.

For more information,
visit www.ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Selangor, Terengganu kongsi kedudukan pertama dalam Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) 2024

Kuala Lumpur, 23 Julai 2024: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) telah menerbitkan Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) 2024, yang menawarkan analisis menyeluruh mengenai ketelusan belanjawan negeri di seluruh Malaysia. Tahun ini, Terengganu dan Selangor berkongsi tempat pertama, kedua-duanya mencatat skor 76/100 untuk Kebolehpakaian Awam. MyOBI menilai secara kritikal kebolehpakaian dan ketepatan masa dokumen belanjawan utama, peranan pemantauan Dewan Undangan Negeri (DUN), dan peluang untuk penglibatan awam dalam proses belanjawan.

Keputusan menunjukkan ketidaksamaan yang ketara dalam ketelusan dan pemantauan dalam kalangan negeri di Malaysia. Banyak kerajaan negeri masih gagal memastikan pendedahan maklumat belanjawan yang mencukupi, dengan beberapa negeri tidak menerbitkan dokumen penting. Kedah dan Pahang, khususnya, ketinggalan di belakang negeri lain dengan pendedahan yang tidak mencukupi, menonjolkan keperluan mendesak untuk penambahbaikan. Secara positif, Sarawak dan Melaka telah menunjukkan kemajuan ketara dengan meningkatkan akses kepada maklumat belanjawan penting berbanding penilaian sebelumnya. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan kritikal bagi semua negeri untuk memastikan akses yang telus kepada maklumat belanjawan.

Walaupun terdapat perkembangan positif secara keseluruhan, kebimbangan masih berterusan mengenai keupayaan pemantauan Dewan Undangan Negeri (DUN). Walaupun negeri seperti Selangor, Terengganu, dan Sabah telah menunjukkan pemantauan yang lebih kukuh melalui pembentangan belanjawan yang tepat pada masanya dan peningkatan sesi persidangan DUN, prestasi keseluruhan dalam hal ini masih tidak mencukupi. Pemantauan yang berkesan memerlukan penerbitan hamparan, masa yang mencukupi untuk perbincangan dan soalan belanjawan, serta rekod Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) untuk memaklumkan orang awam tentang hasil penelitian legislatif.

Alissa Marianne Rode, Pengurus Kanan Penyelidikan di IDEAS, menekankan kepentingan meningkatkan ketelusan belanjawan dan penglibatan awam. "Meningkatkan ketelusan belanjawan adalah penting bagi kerajaan negeri untuk meningkatkan keyakinan awam terhadap perkhidmatan mereka. Dari penilaian kami, hanya 7 daripada 13 negeri yang menyediakan anggaran hasil dan perbelanjaan, manakala hanya Selangor dan Terengganu yang menyediakan anggaran perbelanjaan terperinci. Terengganu menonjol sebagai satu-satunya negeri yang menyediakan RUU Perbekalan dan Enakmen Perbekalan, menyediakan rekod awam penting mengenai pengesahan belanjawan."

Saranan utama daripada laporan ini termasuk memastikan kebolehcapaian awam yang tepat pada masanya bagi dokumen Cadangan Belanjawan Eksekutif (EBP), seperti Anggaran Hasil dan Perbelanjaan ("Buku Belanjawan/Bajet"), untuk meningkatkan ketelusan dalam perbelanjaan kerajaan negeri. "IDEAS menyeru agar penerbitan dalam talian dan kemas kini berkala hansard dan rekod PAC diberi keutamaan untuk mengekalkan ketelusan.

"Selain itu, meningkatkan mekanisme penglibatan awam melalui forum, jawatankuasa pilihan yang diberi kuasa untuk memanggil pegawai negeri, dan memudahkan dialog dua hala dengan masyarakat sivil semasa perangkaan dan pelaksanaan belanjawan adalah penting untuk memupuk tadbir urus yang terangkum," tambah Alissa.

Penglibatan awam dalam proses belanjawan juga memerlukan penambahbaikan. "Beberapa negeri kini menawarkan mekanisme yang bermakna untuk penglibatan awam, dengan pengecualian yang ketara seperti Negeri Sembilan dan Pahang, yang menyediakan mekanisme maklum balas semasa peringkat perangkaan dan pelaksanaan belanjawan," kata Alissa. "Melaka, Selangor, dan Terengganu telah memulakan usaha dengan mendapatkan input awam semasa peringkat perangkaan. Walau bagaimanapun, mekanisme menyeluruh untuk maklum balas awam, termasuk forum awam dan jawatankuasa pilihan yang diberi kuasa untuk memanggil penjawat awam negeri, adalah penting untuk memupuk proses belanjawan yang terangkum dan telus."

"Pada akhirnya, tujuan ketelusan adalah untuk membolehkan akauntabiliti dan penglibatan demokratik dalam proses belanjawan. Cabang legislatif dan eksekutif negeri perlu memperkukuh penglibatan awam dengan melibatkan pengundi dan masyarakat sivil untuk mendapatkan cadangan belanjawan dan maklum balas mengenai pelaksanaannya. MyOBI bertujuan untuk mewujudkan penanda aras kebangsaan bagi pendedahan kewangan proaktif dari 13 kerajaan negeri. Dengan meletakkan negeri dalam ranking dari segi ketelusan belanjawan, kami berharap negeri akan bersaing untuk meningkatkan ketelusan dan pemantauan belanjawan, sekali gus memupuk tadbir urus yang lebih bertanggungjawab dan demokratik," tambah Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

[TAMAT]

Keputusan penuh dan perincian lanjut laporan ini boleh didapati di laman mikro kami - www.pantauwangkita.com


Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Ryan Panicker

Penolong Pengurus,, Advokasi dan Program

ryannesh@ideas.org.my

Graf 1: Skor Kebolehpakaian Awam Mengikut Negeri



Nota:



Ranking

61 - 100	Tahap Dedahan Tinggi
41 - 60	Tahap Dedahan Minimum
0 - 40	Tahap Dedahan Tidak Memuaskan

Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (MyOBI) dilancarkan oleh IDEAS pada tahun 2022, dibiayai oleh geran Kesatuan Eropah (EU), untuk meningkatkan ketelusan dalam proses belanjawan negeri, berikutan perubahan demokratik selepas Pilihan Raya Umum 2018. MyOBI bertujuan untuk memaklumkan dan melengkapkan masyarakat sivil dan orang awam untuk terlibat dalam proses demokratik. Indeks ini meletakkan penanda aras ketelusan belanjawan negeri dan mengenal pasti bidang untuk penambahbaikan berdasarkan amalan terbaik antarabangsa, menyediakan wawasan yang boleh diambil tindakan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti di peringkat negeri.

Layari pantauwangkita.com untuk maklumat lanjut.

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bebas dan bukan berasaskan keuntungan. Fokus IDEAS ialah mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam yang bertumpu kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan terhadap institusi, dan Malaysia sebagai negara yang merangkumi semua. Untuk maklumat lanjut, layari www.ideas.org.my